

# Tertunai sudah sebuah janji pilihan raya

Oleh ZULKIFLEE BAKAR  
(WARTAWAN UTUSAN)

HARI ini, rakyat Malaysia terutamanya penduduk Terengganu akan menyaksikan peristiwa bersejarah apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melaksanakan upacara pecah tanah pembinaan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) di Besut.

Hakikatnya ia bukanlah satu majlis pecah tanah biasa, sebaliknya ia mempunyai signifikansi tersendiri dalam arena politik Terengganu yang kembali berada di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 2004.

Ini kerana pembinaan universiti tersebut yang terletak di mukim Tembila itu telah membuktikan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa BN pasti melaksanakan setiap janji yang dibuat dalam pilihan raya.

UDM akan menjadi bukti dan saksi bahawa BN tidak bercakap kosong apa tah lagi mengukir janji semata-mata untuk meraih undi, sebaliknya setiap janji yang dibuat berasaskan kepada matlamat dan hasrat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira latar belakang kehidupan mereka pasti ditunai.

Jika pada mulanya terdapat keraguan apakah UDM akan menjadi realiti atau sekadar satu lagi retorik politik tetapi

keraguan itu terhapus pada 26 Mac tahun lalu apabila Perdana Menteri mengumumkan pembinaannya.

Dan hari ini, Abdullah akan turun sendiri ke Besut bagi mengukuhkan janji itu dan membuktikan bahawa BN tidak omong kosong dalam soal berjanji kepada rakyat.

Langkah BN itu adalah selaras dengan kehendak Islam yang mengajar umatnya untuk tidak sesekali memungkir janji yang dibuat. Bagi rakyat mereka tidak peduli apa masalahnya yang penting apabila janji sudah dibuat ia harus ditunaikan.

Sebab itulah, BN Terengganu di bawah kepimpinan Menteri Besar Datuk Seri Idris Jusoh berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan UDM menjadi realiti.

UDM adalah satu impian yang harus menjadi kenyataan, UDM adalah sebuah janji yang tidak boleh dimungkir dan sudah pasti ia adalah maruah sebuah parti.

Tetapi selain janji, ada matlamat yang lebih besar daripada itu, kerajaan Terengganu ingin memastikan rakyat negeri tersebut mendapat peluang pendidikan yang bertaraf tinggi dan boleh dijadikan pencetus ke arah mengubah masa depan mereka.

Atas sebab itulah, kerajaan Terengganu menolak dengan tegas cadangan menaikkan taraf beberapa institusi pengaji-

an tinggi (IPT) sedia ada kepada kolej universiti.

Bagi kerajaan Terengganu langkah itu bukan janji BN kepada rakyat, janji BN ialah universiti, justeru ia perlu direalisasikan. Jika tidak rakyat akan 'menghukum' mereka dalam pilihan raya akan datang.

Apa pun UDM akan meningkatkan lagi imej Terengganu yang kini dikatakan semakin terserlah sejak BN menegakkan kembali janji-janji pada tahun 2004.

## Ura-ura

Universiti yang akan dibina di atas tanah seluas 689 hektar di Pantai Bukit Dendong, mukim Tembila akan menjadi medan ilmu terbesar bagi kawasan Pantai Timur, biarpun ada ura-ura sebuah universiti akan dibina di Kelantan.

UDM akan ditegakkan dengan melibatkan kos lebih RM400 juta dan berteras konsep Universiti Cambridge, sebuah universiti terkemuka dunia di Britain.

Melalui konsep berkenaan, selain tahap pengajian yang tinggi dan kampus induk di mukim Tembila, universiti itu juga akan mempunyai kolej universiti di setiap daerah di Terengganu.

Pelaksanaan konsep ini dikatakan akan memperbanyakkan peluang untuk para pelajar khususnya di kalangan anak-anak tempatan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Ia bersesuaian dengan hasrat Perdana Menteri yang amat berharap penubuhan UDM akan menjadi lambang kejayaan rakyat Terengganu dalam bidang pendidikan masa hadapan dan sekali gus menjadi pemangkin pembangunan di negeri itu.

Tambahan pula dengan kewujudan kolej-kolejanya di peringkat daerah ia akan membantu menggerakkan lagi kegiatan ekonomi di pusat-pusat pertumbuhan baru kelak.

Kewujudan UDM bukan sahaja rahmat untuk rakyat Terengganu, malah ia juga akan dinikmati oleh penduduk-penduduk di negeri lain terutamanya Kelantan dan Pahang.

Jika sebelum ini, rakyat kedua-dua negeri itu harus menghantar anak mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi di Kuala Lumpur dan sebagainya tetapi kini mereka sudah mempunyai alternatifnya.

UDM akan menjadi pusat perkembangan ilmu dan ia juga akan menjadi harapan kepada masyarakat Pantai Timur dalam memastikan anak mereka mendapat pendidikan di peringkat tinggi yang penuh dengan kualiti.

Semoga kewujudan UDM akan memesatkan lagi perkembangan pendidikan di Pantai Timur dan memberi keyakinan yang lebih kukuh siapa sebenarnya berupaya memberikan kesejahteraan kepada rakyat melalui pembangunan.